

Oleh: Deenesh Kumar a/l Nalathambi  
Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

### **Usaha Untuk Mencapai Wawasan 2020**

Keunikan dalam kemerdekaan Malaysia adalah Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum, agama, etnik, kebudayaan serta mengamalkan cara hidup yang berbeza. Oleh itu perpaduan negara adalah merupakan matlamat penting dalam setiap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan sama ada dalam bidang ekonomi, sosial dan politik supaya tidak berlakunya sebarang isu pilih kasih atau menyentuh isu sensitif mana-mana kaum atau dalam erti kata lain tidak berlakunya isu berat sebelah. Sekiranya ada sebarang kelemahan atau ketiadaan sentimen perpaduan, maka negara akan terdedah kepada pelbagai ancaman dan kelemahan. Negara akan senang dimanipulasi atau disabotaj oleh mana mana negara asing.

Dasar Wawasan 2020 telah diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991, sewaktu persidangan Majlis Perdagangan Malaysia di mana beliau telah membentangkan satu kertas kerja yang bertajuk '*Malaysia-The Way Forward*'. Apakah maksud sebenar wawasan dan bagaimana wawasan dapat membantu dalam pembangunan Malaysia? Wawasan merupakan satu panduan yang menetapkan satu sasaran negara yang harus dicapai dalam suatu tempoh masa tertentu. Wawasan yang baik dan adil akan meliputi pelbagai aspek berkaitan dengan pembangunan negara dalam hubungan dengan perkembangan ekonomi dunia secara keseluruhannya serta seharusnya jelas dan diterima umum untuk memastikan negara sentiasa maju ke hadapan. Arah tujuan, matlamat, strategi, jangkamasa dan pencapaian sesebuah negara akan berlandaskan wawasan yang telah ditetapkan. Negara tanpa wawasan adalah bagaikan kapal laut yang dibawa belayar tanpa sebarang petunjuk, peta atau kompas – hanya menunggu masa untuk sesat atau karam.

Matlamat Wawasan 2020 ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang benar-benar maju dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan menjelang tahun 2020. Ini bermaksud bahawa untuk membina langkah bagi mencapai Wawasan 2020 dan menjadikan Malaysia sebagai Negara Maju, seseorang itu harus tahu dan melengkapi diri dengan pengetahuan mengenai sembilan cabaran Wawasan 2020.

Demi mencapai Wawasan 2020, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk memastikan wawasan tersebut dapat dicapai. Ini

termasuklah menyediakan biasiswa pendidikan untuk menggalakkan rakyat Malaysia melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang saintifik dan teknikal seperti bidang teknologi maklumat, kejuruteraan, bioteknologi dan sebagainya. Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk menyediakan kepakaran tenaga manusia dan kemudahan R&D (Research and Development-Kajian dan Penyelidikan). Usaha R&D negara telah banyak memberi sumbangan kepada peningkatan hasil pengeluaran komoditi, terutamanya kelapa sawit dan getah. Sebagai contoh, institusi penyelidikan telah banyak menjalankan kajian untuk menghasilkan tenaga atau polimer gantian seperti biodisel daripada kelapa sawit dan termoplastik getah.

Dengan adanya masyarakat yang berteknologi juga, negara membangunkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Putrajaya yang dilengkapi dengan teknologi komunikasi dan infrastruktur serta maklumat yang terkini. Selain itu juga pembangunan lain yang wujud berasaskan teknologi seperti MSC, sistem pengangkutan Komuter, LRT, Monorel dan ERL, MEASAT dan Terowong SMART merupakan cetus hasil daripada kemajuan negara dalam sains dan teknologi. Kejayaan Malaysia menghantar angkasawan pertama juga adalah antara langkah bijak negara untuk menunjukkan keprihatinan Malaysia terhadap kemajuan dunia sains dan teknologi.

Di samping itu, kerajaan dengan kerjasama badan berkanun dan badan bukan kerajaan telah menjalankan banyak aktiviti kemasyarakatan dan ceramah yang berkisarkan tentang perpaduan rakyat, kempen budi bahasa termasuk iklan budi bahasa yang disiarkan melalui media massa. Tujuan program sebegini dijalankan adalah untuk menerapkan nilai-nilai asas kemanusiaan kepada semua lapisan masyarakat terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Di samping itu, penggunaan Facebook dan Twitter sebagai medium perantaraan untuk berinteraksi dengan rakyat juga dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan suara masyarakat serta mengenal pasti masalah mereka secara lansung. Tindakan ini harus dipuji kerana pemimpin negara berfikir secara moden dan *'up to date'* dengan arus pembangunan melalui cara komunikasi yang moden. Tindakan ini disokong lagi dengan kajian kadar penggunaan Facebook dalam kalangan rakyat yang mencecah hampir 12 juta orang sehingga penghujung tahun 2011 dan ini menunjukkan bahawa sesuatu pesanan atau mesej dapat disampaikan dengan cepat melalui Facebook.

Bagi mewujudkan sebuah negara yang makmur dan berdaya saing, pembangunan dalam bidang ekonomi dan perbendaharaan turut dipertimbangkan. Antaranya adalah dengan menggandakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar. Selain itu, program pembangunan sumber manusia dipertingkatkan dengan pesatnya. Masyarakat Bumiputera

digalakkan untuk bersaing serta anjal dalam kegiatan ekonomi supaya setara dengan masyarakat bukan Bumiputera. Dengan ini maka matlamat keadilan ekonomi dalam masyarakat akan tercapai di mana konsep pengenalan perniagaan atau status ekonomi tidak lagi dikelaskan mengikut agama atau kaum. Kerajaan telah banyak menyalurkan sumbangan kepada rakyat dalam bentuk bonus dan peningkatan gaji. Sementelahan pula, baru-baru ini bermula dari Januari 2012, semua kakitangan kerajaan telah menerima peratus kenaikan gaji sebanyak 13% di mana tindakan ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menambah jumlah pendapatan setiap isi rumah. Peningkatan gaji akan menjana pendapatan yang lebih kepada setiap masyarakat dan peningkatan ekonomi keluarga juga akan menjadi lebih kukuh yakni kuasa membeli rakyat akan meningkat.

Kerajaan Malaysia sentiasa mementingkan kebajikan insan yang kurang bernasib baik dengan memberi sumbangan kepada insan-insan tersebut. Hal ini terbukti dengan tertubuhnya persatuan-persatuan kebajikan seperti Majlis Kanser Negara, Persatuan Orang Buta, Persatuan Orang Cacat, dan sebagainya. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan penubuhan badan-badan amal seperti ini untuk membela nasib golongan yang kurang bernasib baik. Pertolongan disalurkan kepada semua yang memerlukan tanpa mengira kaum atau darjat. Selain itu, kempen derma darah di hospital kerajaan mahupun swasta serta Pengumpulan Dana untuk Bantuan Mangsa Bencana adalah antara petunjuk bahawa kerajaan sememangnya prihatin dan sedang berusaha untuk mewujudkan masyarakat yang penyayang serta berbudi pekerti.

Modal Insan adalah sebuah revolusi idea yang dicetuskan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi kerana beliau ingin memberikan penekanan terhadap usaha membangunkan modal insan sebagai satu landasan kecemerlangan generasi hadapan. Generasi hadapan merupakan aset insani Malaysia yang paling penting dalam usaha kerajaan merealisasikan kewujudan sebuah Negara Bangsa yang maju, cemerlang, gemilang dan terbilang menjelang WAWASAN 2020. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, negara sentiasa berusaha menyediakan tenaga kerja berwibawa yang berbekalkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, termasuk sains dan teknologi. Modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai Murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Dalam satu ucapan di Sidang Kemuncak Pendidikan 2004 yang diadakan di Hotel Sunway Lagoon Resort, Tun Abdullah telah mengatakan bahawa sebagai sebuah negara membangun yang bersaing, Malaysia akan menerima tekanan dan dalam usaha untuk menyaingi negara-negara lain dalam Rangkaian Tambah Nilai (*Global Value Chain*). Selain itu Malaysia perlu membuat

anjakan besar untuk menuju ke arah pembangunan yang seterusnya namun anjakan ini tidak akan tercapai hanya dengan meningkatkan infrastruktur atau melalui tenaga murah. Beliau menyatakan bahawa anjakan tersebut memerlukan peningkatan kukuh dalam kesanggupan masyarakat untuk menambah nilai dan inovasi serta memerlukan perkembangan dari segi keupayaan dan intelek manusia serta penerapan kesedaran integrasi nasional dalam bidang pendidikan supaya anak-anak muda akan dididik menjadi lapisan masyarakat yang berintelekt tinggi dengan berakhlak mulia pada masa hadapan seperti kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Sebagai contoh pengenalan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara oleh Kementerian Pengajian Tinggi di mana pelan ini terdiri daripada tujuh strategi untuk memerkasakan pengajian tinggi sejajar dengan hala tuju negara ke arah mencapai Wawasan 2020 bagi melahirkan graduan yang bukan sahaja berilmu tapi juga berakhlak tinggi dengan berdaya saing.

Konsep 1Malaysia adalah konsep satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Ia bukan satu dasar baru yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Malaysia. Dalam erti kata lain 1Malaysia digagaskan sebagai satu formula yang akan membantu memastikan aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 tercapai jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat.

Wawasan 2020 boleh dicapai jika 'tapak' atau rakyat negara ini telah menjadi kukuh dan utuh dan dengan itu, segala pencapaian atau pembangunan boleh dilakukan dengan senangnya kerana rakyatnya sedia menerima apa jua cabaran pada masa depan. Aset penting untuk sesuatu negara adalah rakyatnya sendiri. Menjelang tahun 2020, Malaysia akan dapat menjadi sebuah negara yang bersatu, di mana rakyatnya sentiasa yakin dan mempunyai nilai moral serta etika yang kukuh. Masyarakat Malaysia juga akan sentiasa hidup dalam suasana demokratik, liberal, bertolak ansur dan penyayang. Dengan mewujudkan suatu lapisan masyarakat Malaysia yang berakhlak tinggi, maka kejayaan dan pembangunan yang mantap serta utuh dapat dikecapi menjelang tahun 2020 dan juga pada masa hadapan.